

Implementasi Ibadah Islam Sebagai Terapi Salah Seksual Remaja: Kajian Terhadap Pusat Perlindungan Wanita Terpilih di Selangor

Implementation of Islamic Worship as A Therapy for Teenagers' Sexual Misconduct: A Study on Selected Women Shelter Homes in Selangor

NURUL HUSNA MANSOR, KHAIRUL HAMIMAH MOHAMMAD JODI, FAKHRUL ADABI ABDUL KADIR
& RAIHANAH ABDULLAH

ABSTRAK

Ibadah di dalam Islam merupakan salah satu mekanisme yang diakui berpengaruh dalam membentuk perilaku manusia. Sehubungan itu, terdapat banyak kajian menunjukkan masalah salah laku seksual remaja mutakhir ini dikenal pasti berpunca daripada pengabaian aspek ibadah. Bagi tujuan pemulihan dan perlindungan, Taman Seri Puteri Cheras (TSPC) dan Baitul Ehsan (BES) merupakan antara institusi yang diwujudkan secara khusus dalam mengendalikan isu-isu salah laku termasuk salah laku seksual membabitkan remaja. Justeru, artikel ini bertujuan untuk menganalisis sejauh manakah aspek ibadah diberikan tumpuan dalam proses pemulihan remaja bermasalah salah laku khususnya salah laku seksual di TSPC dan BES. Berdasarkan penelitian ke atas dokumen, temu bual dan pemerhatian yang telah dijalankan, implementasi aspek ibadah Islam di TSPC dan BES terkandung dalam modul khusus yang dirangka bagi tujuan pemulihan salah laku seksual remaja. Kedua-dua modul yang digunakan oleh pusat perlindungan tersebut menumpukan kepada proses pengajaran dan pembelajaran secara teori serta amali merangkumi ibadah khusus dan umum dengan menggunakan kaedah tertentu yang akan dibincangkan di dalam artikel ini.

Kata kunci: Ibadah Islam; terapi; salah laku seksual; pusat perlindungan wanita

ABSTRACT

Worship in Islam is a mechanism that proven to have really huge influence in shaping the human behavioural system. By that, many researches done recently showing that most of the teenagers' sexual problems are regarding with the ignorance of the aspect of worshipping. In order to protect and restore this matter, Baitul Ehsan (BES) and Taman Seri Puteri Cheras (TSPC) are among institutions created specifically to deal with the issues of misdeeds including the sexual misbehaviors involving teenagers. Thus, this very research is done to analyze how far the aspect of worship has been highlighted in the process of curing and restoring problematic teenagers of sexual issues in BES & TSPC. Referring to study on documents, several interviews and observations done before, implementation of the aspect of Islamic worship in BES and TSPC has been arranged inside the academic module and religious module drafted in restoring teenagers sexual misconducts. Both these modules focusing on the theoretical and practical process of teaching and learning consisting specific worship doings featured in Pillars of Islam as well as other primary practices by certain methods that will be discussed later within this paper.

Keywords: Islamic worship; therapy; sexual misconduct; women shelter home

PENDAHULUAN

Ibadah merupakan salah satu mekanisme yang digunakan bagi menterjemahkan kesyukuran di atas segala nikmat kurniaan Allah dan menjadi elemen penting yang perlu dititikberatkan bagi pembangunan fizikal, mental dan kerohanian (Abdul Ghafar Don & Zaleha Mohd. Ali 2008:15). Secara khususnya terdapat dua sasaran ibadah iaitu pertama, pembinaan peribadi daripada sudut

kejiwaan dan perasaan supaya sentiasa merasa cinta kepada kebenaran hakiki. Kedua, pembinaan sosial masyarakat daripada aspek perhubungan kejiwaan serta kepuasan pencapaian dalam bidang kebendaan sebagai alat untuk kesempurnaan hidup (Abdul Halim El-Muhammady 1991: 110). Kajian mendapati pengabaian ibadah merupakan salah satu faktor kecenderungan remaja dengan salah laku seksual seperti seks sebelum nikah (Khadijah Alavi et al. 2012; Salasiah Hanin Hamjah et al. 2012; Salmi Ahmad Sudan 2013; Azlina Muhammad;

2012) dan perbuatan salah laku seksual lain seperti ketagihan melayari laman web pornografi (Nor Azah 2009).

Seksual merujuk kepada keinginan syahwat, jantina, jenis kelamin, hal-hal mengenai perhubungan lelaki dengan perempuan (Amdun Husain & Zubaidi Abas 1987: 605). Seksualiti pula merujuk kepada bagaimana seseorang individu menterjemahkan ciri seksualiti mereka dalam kehidupan harian yang merangkumi aspek kesedaran dan keterampilan diri, sama ada sebagai lelaki mahupun perempuan. Kesedaran ini seterusnya merangsang kemesraan sesama manusia untuk merasai kelainan dan meneroka perbezaan seksualiti mereka seterusnya mencetuskan gerak balas seksualiti secara 'biofisiopsikologi' dan membawa kepada kemesraan, kasih sayang, komitmen serta percintaan yang boleh memantapkan perhubungan sesama mereka. (Hatta Sidi, Mohamed Hatta Shahrom & Ramli Hassan 2006: 2).

Antara bentuk salah laku seksual pada hari ini seperti gangguan seksual, jenayah rogol, sumbang mahram, seks bebas, pencabulan seksual kanak-kanak, homoseksual, biseksual, pelacuran (Abd. Rahim Abd. Rashid 2005: 9), keinginan seks, kecelaruan pembentukan identiti diri dan penyimpangan perlakuan seksual disebabkan perasaan ingin mencuba yang meluap-luap. (Hatta Sidi, Mohamed Hatta Shahrom & Ramli Hassan 2006: 33). Lebih membimbangkan, menurut Nasrudin Subhi et. al. (2012:15-25) isu keperawanan dianggap seakan-akan tidak begitu relevan hari ini memandangkan aktiviti salah laku seksual melibatkan individu berusia seawal usia 11 tahun dengan melakukan hubungan seks lebih daripada seorang pasangan. Paling mengejutkan, mereka memiliki pengetahuan agama yang baik serta mampu membezakan antara dosa dan pahala, namun tidak dapat mengawal gejala nafsu akibat ketagihan selain rasa cinta kepada pasangan (Ibid).

Secara jelasnya, kajian mendapati salah laku ini didorong oleh rasa ingin mencuba, tekanan di dalam keluarga, pengawasan keluarga yang longgar, mudah terpengaruh, mengabaikan ajaran agama (Zaizul 2012), jiwa yang sering memberontak, ketagihan bahan-bahan lucah di media elektronik, sikap ego yang melampau, salah memilih rakan sebaya, pergaulan bebas serta tertipu dengan keseronokan syahwat (Sidek Baba 2007:165-166).

Realitinya, aktiviti salah laku seks boleh menyebabkan pelbagai penyakit seksual seperti HIV/AIDS, mengakibatkan kehamilan di luar nikah

yang secara tidak langsung mendorong kepada kelahiran anak tak sah taraf serta berlakunya jenayah lain seperti pengguguran janin, pembuangan dan pemerdagangan bayi yang tidak berdosa (Magdalena 2010:36-37).

Dalam konteks undang-undang negara Malaysia, kesalahan berhubung salah laku seksual diperuntukkan di bawah dua statut utama iaitu Kanun Keseksaan dan Akta /Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Siti Zubaidah Ismail & Muhammad Zahiri Awang Mat 2005:2). Manakala di dalam Islam perbuatan salah laku seksual yang lebih dirujuk sebagai aktiviti perzinaan disabitkan dengan hukuman *had* (al-Nur (24): 2).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes bertujuan untuk menganalisis sejauh manakah aspek ibadah diimplementasikan kepada remaja yang bermasalah laku seksual sepanjang menjalani proses pemulihan dan perlindungan di BES dan TSPC. Bagi menjawab objektif kajian, pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan kaedah penelitian ke atas dokumen dan bahan bertulis seperti modul yang diperoleh daripada dua institusi tersebut. Selain itu, pengumpulan data juga dibuat menggunakan kaedah pemerhatian serta temu bual ke atas beberapa orang responden yang terdiri daripada pelatih, kaki tangan dan tenaga pembimbing di BES dan TSPC. Responden dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan.

IBADAH SEBAGAI TERAPI SALAH LAKU SEKSUAL

Matlamat ibadah ialah memberikan perlindungan dan keselamatan kepada manusia sekali gus menjauhkan mereka daripada sebarang kemudaratan (Ibn Qayyim 2008: 41). Setiap ibadah mempunyai tujuan dan kepentingannya yang tersendiri terhadap aspek sosial, ekonomi, politik, termasuk spiritual manusia (Afzalur Rahman 1995:69-70). Ibadah turut berperanan mengukuhkan iman melalui praktikal yang diamalkan dan berupaya mengubah kehidupan manusia melalui memupuk sikap sabar dalam menghadapi kesukaran dan menghapus kemungkar. Hubungan erat antara manusia dengan Allah mencetuskan kesedaran, membina keyakinan

yang teguh kepada Allah di mana akhirnya mampu meredakan gejala nafsu khususnya keinginan kepada seks dengan cara yang salah (Abdul Halim El-Muhammady 1991:101-110).

Terdapat beberapa bentuk ibadah yang didapati berfungsi sebagai terapi salah laku seksual manusia. Misalnya ibadah solat, puasa, membaca al-Quran dan berzikir. Solat dirujuk sebagai suatu doa (Ibn Manzur 1956:464-465) serta jalan bagi memohon keberkatan dan keampunan (Lajnah Ta'lif fi Dar al-Tawhid 1980: 7), ia juga memberi kesan terhadap kesejahteraan rohani kerana ia merupakan kaedah utama bagi mendekati diri kepada Tuhan (al-Ghazali 1993:24) serta berperanan penting dalam membina nilai keislaman dan keimanan dalam diri manusia, termasuklah dalam merawat penyakit berbentuk kejiwaan (Ahmad Hisham Azizan & Zarrina Che Sa'ari 2009:7). Solat juga mampu mencegah seseorang daripada perbuatan keji dan mungkar (Al-'Ankabut 29:45) serta menjadikan manusia sentiasa berada dalam keadaan bersih dengan berwuduk secara tidak langsung membina disiplin dan mengawal diri manusia (Afzalur Rahman 1995:69-70). Setiap Perbuatan dan perkataan di dalam solat pula meletakkan manusia sebagai hamba kepada Allah (Mustafa Al-Khin et al. 2003:99) dengan mengagungkan-Nya. Hal ini secara tidak langsung menerbitkan perasaan malu dengan kelemahan dan keaiban diri serta menginsafi bahawa sesungguhnya Allah melihat segala rahsia yang tersembunyi (Al-Ghazali 2010: 553-557).

Selain solat, ibadah puasa dianggap sebagai benteng pencegah daripada gangguan hawa nafsu, mengukuhkan kerohanian dan menenteramkan jiwa. Ini diakui oleh Sa'id Hawwa (1992:149) dan Al-Ghazali (2010) yang mengatakan puasa berfungsi merawat salah laku seksual yang digolongkan sebagai penyakit syahwat dan berpunca daripada kemaluan serta perut. Puasa juga menahan semua pancaindera dan anggota badan daripada melakukan dosa, sehingga menjangkau kepada menahan hati daripada cita-cita yang keji dan bersifat duniawi semata-mata (Al-Ghazali 2010: 668).

Muhammad 'Uthman El-Muhammady (1976:72-73) berpandangan puasa merupakan perisai kerohanian dalam mengekang nafsu syahwat, mempertahankan diri daripada fitnah, mendidik kesabaran, sifat ikhlas, membentuk budi pekerti, mendidik roh, menjernihkan hati dan menjadi tarbiah yang penting dalam pembentukan personaliti Muslim (Mustafa Masyhur 2003:131-140). Keutamaan puasa dalam membendung gejala

nafsu syahwat ada disebut oleh Rasulullah SAW sebagaimana hadis berikut:

Dari 'Abdullah Ibn Mas'ud, Rasulullah SAW bersabda; "Wahai sekalian para pemuda, barang siapa di antara kalian telah mampu menikah, hendaklah dia menikah, kerana menikah lebih menundukkan pandangan, dan lebih menjaga kehormatan. Barang siapa yang belum mampu menikah, hendaklah berpuasa kerana berpuasa merupakan pemutus syahwat baginya." (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).

Selain ibadah solat dan puasa, membaca al-Quran diakui mampu menyembuhkan penyakit jiwa manusia (Yusuf, 10:52). Justeru, Ibn Khaldun (1995:771-772) di dalam karyanya "*al-Muqaddimah*" menegaskan tentang kepentingan mempelajari al-Quran kerana ia merupakan asas dalam kesemua dasar-dasar pembelajaran di dalam negara Islam memandangkan ia merupakan salah satu simbol agama serta memperkukuhkan akidah dan keimanan.

Seterusnya, ibadat zikir memberikan ketenangan kepada hati dan emosi setiap pelakunya (Muhammad Saiful Islami Mohd. Taher & Siti Aisyah Yusof 2014: 62-68) kerana pelaku akan sentiasa mengingati Allah secara komprehensif dan melahirkan perasaan tenang (al-Ra'd,13:28). Amalan ini juga akan mengikis rasa sombong dalam diri manusia dan mengelakkan berlakunya kerenggangan manusia dari Tuhan-Nya. (Al-Ghazali 2010: 115-263).

Dalam konteks pemulihan salah laku seksual, Said Hawa (2009) menekankan pelaksanaan ibadah khusus dan umum dalam usaha memperbaiki kesalahan tersebut secara berterusan. Ini disebabkan penghayatan terhadap ibadah tidak akan datang dengan sendiri tetapi melalui pendidikan dan latihan berterusan sehingga menjadi kebiasaan dan tabiat. Ketika itu perilaku boleh berubah daripada buruk kepada baik (Syed Muhammad Naquib al-Attas (2002:15)

Memandangkan ibadah di dalam Islam menjanjikan begitu banyak kelebihan khususnya dalam kerangka mengendalikan nafsu syahwat, maka dalam konteks pemulihan salah laku seksual, beberapa ibadah yang telah disebutkan di atas dianggap sebagai solusi yang begitu efektif dalam proses membentuk tingkah laku individu bermasalah agar kembali mengikut ajaran Islam.

IMPLEMENTASI IBADAH DI PUSAT PERLINDUNGAN TERPILIH

Artikel ini akan membincangkan berkenaan proses mengimplementasikan ibadah di dua buah pusat

perlindungan wanita terpilih di Selangor iaitu Baitul Ehsan (BES) dan Taman Seri Puteri Cheras (TSPC).

LATAR BELAKANG RINGKAS PUSAT PERLINDUNGAN

BES ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) di bawah peruntukan Seksyen 53 dan Seksyen 54 (2) Enakmen Jenayah Syariah Selangor. Misi BES ialah memberikan perkhidmatan perlindungan, pemulihan, latihan, bimbingan, kaunseling, kemahiran bersepadu dan kemudahan latihan vokasional yang terbaik kepada kumpulan wanita dan gadis yang terlibat dengan gejala sosial. Manakala visi BES pula ialah menerapkan amalan-amalan murni bagi membentuk peribadi ummah yang *thiqah* dan solehah berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah selaras dengan visi MAIS untuk melahirkan masyarakat 'Beriman', 'Berilmu' dan 'Berakhlak'. Penubuhan BES adalah bagi memenuhi beberapa objektif iaitu; a) memberi perlindungan dan pemulihan kepada wanita dan gadis yang terdedah kepada bahaya moral, b) memberi latihan dan bimbingan dalam segenap aspek iaitu rohani dan jasmani melalui pendidikan agama dan sosial, c) menyediakan kemahiran bersepadu dan kemudahan latihan vokasional (BES: 2014).

Terdapat 3 kategori penghuni yang dirujuk sebagai pelatih di BES. Pertama, pelatih kategori perintah mahkamah (Seksyen 54(2) EJSS 1995) yang telah disabitkan dengan mana-mana kesalahan di dalam Bahagian 4 Enakmen Jenayah Syariah Selangor. Kedua, pelatih kategori sukarela, merujuk kepada pelatih wanita yang memasuki pusat dengan sebab pihak Majlis Agama Islam Selangor bertindak sebagai pelindung yang ingin memberikan perlindungan sama ada secara paksaan atau sukarela dengan sebab-sebab tertentu iaitu; (a) dalam siasatan, (b) penderaan, (c) penganiayaan, (d) tiada tempat perlindungan. Ketiga, kumpulan wanita yang diterima masuk disebabkan berbagai-bagai masalah seperti rumahtangga, keluarga dan lain-lain lagi. Had tempoh perlindungan adalah tidak melebihi 6 bulan sahaja dan bergantung kepada budi bicara bagi sebarang tempoh lanjutan. Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian ini penelitian dan pemerhatian akan difokuskan kepada aspek pengisian serta kaedah pelaksanaan ibadah bagi pelatih kategori pertama dan kedua sahaja iaitu pelatih yang terlibat dengan salah laku seksual (Makhi Adnan, temu bual, 26 Ogos 2014).

TSPC pula merupakan salah sebuah institusi yang dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor sejak tahun 1965 mengikut Akta Pemulihan Wanita dan Gadis 1973 yang ketika itu dikenali sebagai Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis. Penghuninya terdiri daripada wanita dan gadis berusia di bawah 21 tahun. Pada November 1992, pusat ini telah diwartakan pertukaran namanya kepada Taman Seri Puteri Cheras kerana difikirkan nama tersebut tidak lagi sesuai dengan imej pelatih yang ditempatkan di institusi ini. Mulai Ogos 2002, selepas Akta Kanak-kanak 2001 berkuat kuasa, kes-kes yang diterima masuk ke institusi ini ialah melalui perintah mahkamah di bawah umur 18 tahun. Antara kes-kes yang diterima masuk ke TSPC adalah seperti kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan, kes kanak-kanak yang tidak terkawal serta kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan segera (TSPC: 2014).

Penghuni yang ditempatkan di TSPC dirujuk oleh mahkamah syariah dan kes-kes yang memerlukan perlindungan segera. Secara khususnya, kini TSPC merupakan sebuah institusi yang dikenali berfungsi memberikan perlindungan dan pemulihan untuk kanak-kanak perempuan berumur 18 tahun dan ke bawah yang terdedah kepada bahaya moral, melibatkan diri / terlibat dalam pelacuran atau memerlukan perlindungan segera seperti hamil di luar nikah (Ibid).

Tempoh pemulihan maksimum untuk para penghuni adalah selama tempoh tiga tahun. Walau bagaimanapun, kanak-kanak boleh dibebaskan lebih awal dengan kelulusan Lembaga Pelawat dan telah berada di TSP sekurang-kurangnya 12 bulan. Bagi kes kehamilan pula, majoriti penghuni TSPC mula mendaftarkan diri ketika usia kandungan mencecah 5 bulan dan ke atas, namun terdapat juga sebilangan penghuni yang mendaftar masuk lebih awal misalnya ketika kehamilan baru berusia dua bulan. Dalam kes ini, setiap penghuni akan menghuni di TSPC sehingga melahirkan anak dan akan dibenarkan keluar dalam tempoh beberapa hari selepas proses kelahiran (Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014).

Memandangkan tempoh penghuni mendapatkan perlindungan tidak terlalu panjang, maka boleh dikatakan penghuni di TSPC sering bertukar keluar masuk silih berganti. Oleh itu jumlah penghuni tidak tetap dan sering berubah-ubah mengikut kadar permohonan pada ketika itu. Kini, pihak JKMM telah menetapkan bahawa penghuni TSPC tidak boleh lebih dari 40 orang (Zuraidah Saad, temu bual, 18 Mac 2014).

IMPLEMENTASI IBADAH

BES mengimplementasikan Modul Transformasi Ehsan atau MTE. Modul tersebut memfokuskan kepada perubahan diri setiap individu iaitu pelatih dengan merealisasikan sembilan falsafah perubahan diri serta perlu melalui lima proses perubahan yang berpandukan kepada tujuh sub-modul pengisian iaitu kerohanian, kemahiran, akademik, disiplin, jasmani, bimbingan dan kaunseling serta hidup bermasyarakat (Modul Transformasi Ehsan, BES: 2014). Berdasarkan penelitian, aspek ibadah

ditekankan secara khusus oleh BES melalui dua sub-modul iaitu modul kerohanian dan modul akademik sebagai asas pengukuhan dan pelaksanaan ibadah pelatih sepanjang menjalani proses rawatan, pemulihan serta perlindungan. Manakala di TSPC pula, implementasi ibadah pelatih berdasarkan kepada Kurikulum Pendidikan Islam (Asas-asas Fardu Ain) yang dibekalkan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM). Jadual berikut adalah ringkasan mengenai implementasi ibadah di dua buah pusat perlindungan terpilih:

JADUAL 1. Implementasi Ibadah di Baitul Ehsan dan Taman Seri Puteri Cheras

BES (Modul Transformasi Ehsan)	Kaedah Pelaksanaan	Kekerapan	TSPC (Kurikulum Pendidikan Islam (Asas-asas Fardu Ain))
Kelas Fardu Ain: i. Kelas Ibadah ii. Kelas Fiqh Wanita	Penerangan Nota ringkas Soal Jawab	Mingguan	Kelas Agama: i. Subjek Akidah ii. Subjek Fiqah Subjek Tilawah al-Quran
Solat Lima Waktu Nida' Subhi Smart Solat	Dilakukan secara berjemaah		Solat Lima Waktu
	Penerangan teori dan amali		
	Dilakukan secara berjemaah	Harian	Solat sunat
Kelas Tahsin al-Quran	Secara bersemuka dan lisan		
	Dilakukan secara berjemaah		Bacaan al-Quran Zikir dan Wirid
<i>Qiyamullail</i>		Jumaat sahaja	
Terapi Kendiri	Dilakukan secara berjemaah		
Tazkirah Zuhur	Ceramah dan memperdengarkan hadis	Harian (tengah hari)	
<i>Liqa' Asar</i>	Dilakukan secara berjemaah	Harian (petang)	
Penawar Bagi Hati	Beramai-ramai		
Kuliah Maghrib	Ceramah, tayangan <i>slide</i> , Soal jawab		
<i>Tazkiyatun Nafs</i>	Ceramah		
Halaqah Sentuhan Qalbu Usrah	Bacaan secara beramai-ramai Penerangan dan Perbincangan dalam kumpulan kecil	Harian (malam)	
<i>Halaqah Zikrullah</i>	Pelaksanaan secara individu		

Sumber: Modul Transformasi Ehsan, BES: 2014; Kurikulum Pendidikan Islam (Asas-asas Fardu Ain), TSPC: 2014.

Berdasarkan Jadual 4.1 di atas, kajian mendapati proses pengukuhan dan penghayatan ibadah Islam yang diimplementasikan di BES dan TSPC berjalan dalam dua bentuk iaitu pengajaran dan pembelajaran secara teori serta amali. Hakikatnya, teori dan amali sama penting kerana ia menjadi asas kepada kesempurnaan ibadah seseorang Muslim.

Di BES, aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara teori didapati berlangsung menerusi kelas pengajian fardu ain bagi subjek ibadah dan *fiqh* wanita. Para pelatih diwajibkan mengikuti pengajian kelas fardu ain secara formal yang dikendalikan oleh guru khas yang telah dilantik. Antara subjek-subjek yang dipelajari ialah Tajwid, Jawi, Adab, *Fiqh* Wanita, *Iqra'*, Ibadah dan Akidah yang berjalan pada setiap hari Isnin, Selasa dan Khamis bermula pukul 8.30 hingga 10.30 pagi. Para pelatih dikelaskan kepada empat kumpulan kecil mengikut prestasi mereka semasa menduduki penilaian di dalam ujian awal sejurus selepas mendaftarkan diri di BES. Pembelajaran secara khusus berhubung ibadah dijalankan melalui kelas ibadah dan *fiqh* wanita. Namun, berdasarkan kepada pembahagian yang telah dibuat, bagi subjek ibadah hanya akan diikuti oleh pelatih yang berada di tahap 1 dan 2, manakala *fiqh* wanita hanya akan diikuti setelah pelatih memasuki tahap 3 dan 4. Bagi kedua-dua kelas tersebut, setiap pelatih akan mengikuti sesi pembelajaran selama dua jam setiap minggu dengan menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran berbentuk penerangan serta nota ringkas. Pelatih juga akan menduduki peperiksaan secara berkala bagi setiap subjek yang diambil untuk tujuan penilaian (Modul Transformasi Ehsan, BES: 2014).

Subjek ibadah mendedahkan kepada pelatih tentang aspek *taharah* iaitu konsep bersuci menurut Islam meliputi jenis-jenis air, kaedah menyucikan najis, mandi wajib, puasa meliputi jenis puasa, rukun puasa, syarat sah dan wajib puasa, perkara yang makruh dan membatalkan puasa, adab-adab berpuasa, kelebihan berpuasa, keutamaan tadarus al-Quran di bulan Ramadan, konsep dan hikmah zakat, haji, sembelihan, korban dan akikah. Manakala bagi subjek *fiqh* wanita pula terdapat beberapa aspek yang diberikan tumpuan. Pembelajaran bermula dengan pengenalan mengenai *Fiqh* Wanita diikuti dengan pembahagian hukum *fiqh* seperti *fiqh* ibadah, *fiqh* muamalat, *fiqh* munakahat, *siyasah syar'iyah*, *fiqh al-Siyar* (hubungan antara negara Islam dengan negara lain dalam peperangan dan perdamaian), *fiqh ahwal* (syaksiyyah dan kekeluargaan), serta *fiqh 'uqubah* (hukuman). Selain itu, pelatih akan

diajar mengenai sumber *fiqh* Islam iaitu al-Quran, al-Sunah, Ijmak, Qias, di samping diperkenalkan kepada istilah-istilah dan hukum *fiqh* terhadap setiap perbuatan mukalaf wajib, fardu ain, fardu kifayah, rukun, sunat, makruh, harus, syarat, haram dan sebagainya. Kelas *fiqh* juga masih membincangkan aspek taharah dengan lebih mendalam seperti hukum bersuci, penjagaan aurat wanita dalam berpakaian sama ada ketika solat atau selepas solat, khatan bagi wanita, pembahagian hadas bagi wanita, berjimak menurut Islam, serta permasalahan darah wanita seperti haid, nifas, istihadah dan wiladah, pelaksanaan solat (Halimaton Mohd. Ngalim, temu bual, 27 Ogos 2014).

Modul pembelajaran agama di TSPC pula menekankan aspek asas ibadah di dalam kelas akidah merangkumi rukun Islam meliputi konsep mengucap dua kalimah syahadah, lafaz dan makna, perkara yang membatalkan syahadah, ibadah solat, puasa di bulan Ramadan, zakat, haji meliputi pengertian, hukum, dalil berserta hikmah pelaksanaan. Ibadah dalam Islam dipelajari oleh pelatih melalui kelas agama di bawah subjek akidah. Di samping itu, institusi ini memperuntukkan kira-kira 64 jam bagi sesi pengajaran dan pembelajaran ibadah melalui subjek fikah yang berkait rapat dengan pelaksanaan ibadah Islam. Antara isi-isi pengajaran yang diketengahkan ialah pembelajaran mengenai rukun Islam iaitu mengucap dua kalimah syahadah, solat, berpuasa di bulan Ramadan, zakat serta tuntutan ibadah haji di mana bagi setiap aspek tersebut didatangkan bersama dalil al-Quran dan hukum pelaksanaan serta dijelaskan tentang hikmah dan manfaat dalam pelaksanaannya (Kurikulum Pendidikan Islam (Asas-asas Fardu Ain), TSPC 2014; Azura Sumailan, temu bual, 18 Mac 2014).

Dalam konteks pembelajaran fikah pula pelatih didedahkan kepada pemahaman mengenai hukum-hukum dalam Islam iaitu; bersuci, kategori najis, wuduk, mandi wajib dan sunat, rukun-rukun solat, fadilat solat berjemaah, kaedah solat sunat, solat Jumaat, solat qasar dan jamak, solat jenazah, jenis-jenis darah wanita, cara beristinjak dan tayamum. Melalui kelas tilawah al-Quran, pelatih mempelajari pengenalan tilawah al-Quran, asas pelajaran jawi/*iqra'* (mengenal, menyebut dan menulis jawi, mengenal makhraj huruf, membaca dan menulis jawi), asas pelajaran tajwid (pengenalan ilmu tajwid, hukum belajar ilmu tajwid, pembahagian hukum tajwid, penggunaan hukum tajwid semasa bacaan), asas pengajian al-Quran (bacaan al-Quran, hafalan beberapa ayat lazim terpilih) dan khatam al-Quran.

Oleh itu setiap pelatih dibekalkan dengan al-Quran (Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014).

Seterusnya pengukuhan dan penghayatan ibadah dalam bentuk amali. Di BES, modul yang diguna pakai merangkumi keseluruhan aktiviti ibadah pelatih sehari-hari bermula seawal pagi sehingga menjelang malam merangkumi pengisian seperti berikut: *Nida' Subhi* merupakan slot pertama bagi pelatih. Slot ini bermula sebelum subuh diisi dengan bacaan selawat seterusnya solat subuh berjemaah diikuti dengan bacaan *al-Ma'thurat* dan al-Quran berserta maknanya. Manakala pada setiap hari Jumaat, jadual pelatih bermula seawal pukul 4.00 pagi bagi mengisi slot 'Qiamullail' merangkumi pengisian solat-solat sunat berserta zikir di surau BES. Solat sunat duha pula akan dilaksanakan setiap hari pada pukul 10.30 pagi secara berjemaah di surau BES. Selanjutnya, masa pelatih diisi dengan aktiviti yang dinamakan 'Smart Solat' di mana pengisian lebih berbentuk penerangan secara teori dan amali yang memfokuskan kepada aspek wuduk dan solat yang berjalan selama sejam setiap hari. Antara tujuannya ialah bagi mengukuhkan amalan fardu ain khususnya solat bagi melahirkan generasi yang menunaikan solat serta sebagai terapi jiwa dan sanubari pelatih yang sedang menjalani pemulihan (BES 2014).

Pada setiap hari Selasa, pelatih diwajibkan mengikuti kelas tahsin al-Quran' selama 1 jam dengan sesi pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kaedah *talaqi musyafahah* dan *tasmik* serta hafalan surah al-Mulk dan Yasin pada setiap hari Rabu dan Khamis bermula jam 11.00 pagi hingga jam 12.00 tengah hari. Matlamat yang ingin disampaikan melalui aktiviti ini adalah bagi menggalakkan pelatih menghafal surah-surah, memahami al-Quran secara mendalam, memahami hukum-hukum yang terkandung dalam al-Quran akhirnya menjadi generasi smart al-Quran yang mendapat manfaat sebagai terapi jiwa dalam melakukan perubahan ke arah lebih baik. Pada setiap hari Jumaat pula, bermula jam 8.30 pagi hingga 10.30 pagi kesemua pelatih akan mengikuti aktiviti 'Terapi Kendiri' dengan bimbingan guru yang bertugas. Pelatih dibekalkan dengan wirid serta zikir supaya ia menjadi kelaziman dalam kehidupan (Modul Transformasi Ehsan, BES: 2014). Selepas solat zuhur berjemaah, masa pelatih diisi dengan tazkirah zuhur yang turut menyentuh aspek ibadah termasuk keutamaan solat, kepentingan bacaan al-Quran dan banyak lagi yang disampaikan dalam bentuk ceramah dan memperdengarkan bacaan hadis yang berkaitan (Ibid).

Selain itu, terdapat slot *Tazkiyatun Nafs* yang bertujuan mendedahkan pelatih mengenai fungsi zikir dalam kehidupan berserta maksud dan hikmahnya dalam pembentukan sikap, pemikiran dan penyuburan keimanan kepada Allah SWT. Antara zikir yang dibaca seperti *lailahailallah, asykurulillah, Subhanallah, masya-Allah, alhamdulillah* dan banyak lagi (Salahudin Imam Ahmad, temu bual, 28 Ogos 2014). *Halaqah Zikrullah* pula merupakan slot khusus yang dijalankan kepada pelatih yang sedang dalam keadaan berhadass. Mereka diminta berzikir sekurang-kurangnya 200 kali setiap kali waktu solat. Tujuan slot ini adalah bagi membantu pelatih mengisi masa lapang dengan aktiviti yang bermanfaat dan menyubur rohani meskipun dalam keadaan berhadass (Makhi Adnan, temu bual, 26 Ogos 2014; Pemerhatian, Surau al-Huda BES, 27 Ogos 2014).

Slot *Liqat* Asar pula diisi dengan solat asar berjemaah, diikuti dengan bacaan *Al-Ma'thurat* bertujuan menjadikan ia sebagai amalan serta yakin dengan ayat-ayat pelindung diri di dalam al-Quran. Selain itu, amalan zikir diteruskan semasa waktu asar, melalui aktiviti penawar bagi hati. Amalan zikir ditekankan di BES kerana terdapat segelintir pelatih yang mengalami gangguan paranormal atau seumpama dengannya, justeru mereka sangat perlu dibekalkan dengan ayat-ayat yang boleh menjadi pelindung kepada mereka (Mohd. Makhi Adnan, temu bual, 26 Ogos 2014).

Pada sebelah malam, masa pelatih akan dihabiskan di surau bermula dengan solat Maghrib berjemaah diikuti dengan kuliah Maghrib yang disampaikan oleh guru-guru bertugas. Kuliah tersebut kadangkala menyentuh topik ibadah selain akidah, motivasi dan akhlak yang dijalankan secara santai dengan diselangi alunan nasyid serta tayangan *slide* yang menarik (Kamaruzaman Abidan @ Jaidin, temu bual, 28 Ogos 2014; Pemerhatian, Surau BES: 27 Ogos 2014). Pada waktu yang sama, segelintir pelatih yang didapati masih lemah dalam penguasaan al-Quran dikehendaki mengikuti kelas pemulihan *iqra'* bersama guru pembimbing. Manakala bagi pelatih yang sedang berpantang di asrama, masa mereka akan turut diisi dengan sesi pembelajaran dan pengajaran tentang aspek ibadah, akidah dan sebagainya dengan bimbingan guru yang bertugas. Selepas itu, pelatih akan menunaikan solat isyak berjemaah dan akhirnya kegiatan harian pelatih ditangguhkan dengan bacaan al-Mulk melalui slot yang dinamakan sebagai Halaqah

Sentuhan Qalbu. (Modul Transformasi Ehsan, BES: 2014; Pemerhatian, BES, 2014).

Berbanding di BES, amali ibadah di TSPC dikenal pasti kurang padat (Pemerhatian, TSPC: 2014). Perkara ini turut diakui oleh guru agama yang menyatakan bahawa pihak mereka lebih memilih untuk menggunakan pendekatan tidak memaksa dan terlalu membebankan masa-masa pelatih yang sememangnya sudah sedia bermasalah. Namun begitu, pihak TSPC memfokuskan kepada perkara wajib terlebih dahulu seperti solat dan mengenal al-Quran bermula dari peringkat asas (Azura Sumailan, temu bual, 18 Mac 2014). Berhubung perkara ini, pengetua TSPC juga mengakui bahawa solat merupakan ibadat utama yang dititikberatkan oleh pihak mereka memandangkan ujian penilaian awal juga mendapati pengetahuan pelatih mengenai solat dan bacaannya sangat lemah (Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014). Di samping itu, pelatih di TSPC mengamalkan membaca surah-surah pilihan pada setiap pagi dan petang, malam dan sebelum tidur. Manakala pada malam Jumaat dikhususkan bacaan surah Yasin, al-Dukhan, al-Kahfi dan al-Jumu'ah. Kesemua sesi pembelajaran dijalankan di surau TSPC melalui penerangan dan juga praktikal. Aktiviti ibadah juga dapat dilihat melalui kegiatan harian pelatih di TSPC melalui pelaksanaan ibadah solat lima waktu setiap hari secara berjemaah. Tidak kurang juga pelatih dibiasakan dengan bacaan doa setiap kali melakukan sesuatu perkara seperti doa sebelum dan selepas makan serta doa sebelum dan selepas belajar (Pemerhatian: 2014).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dalam konteks ibadah solat di TSPC, meskipun pelatih diajar mengenai solat secara menyeluruh dalam bentuk teori seperti mengenali hukum, rukun, fadilat solat dan jenis solat sunat, namun dalam konteks amali TSPC dilihat lebih menumpukan kepada pelaksanaan solat fardu lima waktu sehari berbanding solat sunat. Manakala pihak BES menekankan kepada pelaksanaan kedua-dua ibadah solat fardu dan solat sunat. Ia bermula seawal jam 4 pagi melalui program *Qiyamullail*, diteruskan melalui *Nida' Subhi*, *Liqat' Asar* dan menunaikan solat fardu lima waktu. Pihak BES tidak hanya memberikan penekanan kepada aspek pelaksanaan solat secara berjemaah dan praktikal malah aspek-aspek asas ke arah kesempurnaan solat juga turut diberi penekanan dalam slot Smart Solat contohnya;

pembelajaran mengenai praktikal wuduk, rukun solat, serta adab bersuci (*taharah*) dan sebagainya.

Program ibadah solat ini berpotensi membantu pelatih memperbaiki ibadah solat dengan lebih sempurna, seterusnya membentuk hubungan yang akrab dengan Allah dan menghapuskan dosa (Hadis Sahih, Riwayat Bukhari, *Kitab Mawaqith al-Solat*, bab *al-Solat al-Khams Kaffarah*, no. hadis 497.) Selain itu, solat yang sempurna berfungsi sebagai langkah pencegahan dalam menahan diri daripada tingkah laku delinkuen (Fazilah Idris et. al. 2013: 89-95).

Melalui Ibadah puasa, TSPC dan BES memberi pendedahan secara teori dan mewajibkan pelaksanaannya menjelang bulan Ramadan. Melalui subjek ibadah, pelatih di TSPC dan BES diajar mengenai jenis, rukun, syarat sah dan wajib, perkara yang makruh dan batal, adab-adab dan kelebihan berpuasa. Walau bagaimanapun amalan puasa sunat pada setiap hari Isnin dan Khamis didapati kurang ditekankan kepada pelatih di TSPC berbanding di BES. Hal ini kerana pihak TSPC berpandangan aspek penting yang lebih perlu diberikan keutamaan ialah usaha memperbaiki bacaan al-Quran dan solat terlebih dahulu (Azizah Kamis, temu bual, 14 Mac 2014; Azura Sumailan, temu bual, 18 Mac 2014).

Ibadah membaca al-Quran di TSPC dilaksanakan secara teori melalui kelas tilawah al-Quran dan praktikal melalui pembacaan surah terpilih pada setiap pagi dan petang. Manakala di BES program bacaan al-Quran bermula seawal pagi menerusi program *Nida' Subhi*, diikuti kelas *tahsin al-Quran* yang menggunakan kaedah *talaqi musyafahah/tasmik* serta hafalan. Bacaan al-Quran diteruskan dalam program Halaqah Sentuhan Qalbu. Melalui program tersebut pelatih ditekankan kepada memahami al-Quran dan hukum-hukum yang terkandung dalam al-Quran secara mendalam.

Bacaan zikir di BES pula diamalkan hampir setiap masa pada setiap hari. Program bermula *Nida' Subhi*, aktiviti terapi sendiri pada waktu pagi, slot *Tazkiyatun Nafs*, usrah, *halaqah zikrullah* pada waktu tengah hari. Bacaan zikir diteruskan pada slot *Liqat' Asar* pada waktu petang dan slot Kuliah Maghrib pada waktu malam. Berbanding dengan TSPC bacaan wirid dan zikir hanya diamalkan selepas menunaikan solat fardu lima waktu sahaja.

Keseluruhannya, TSPC dan BES didapati melaksanakan ibadah secara teori dan praktikal dalam proses pemulihan salah laku iaitu menerusi

latihan dan pembiasaan yang dilakukan dengan beberapa cara iaitu; mengingatkan pelatih meninggalkan perbuatan yang tercela. Pelatih disemai rasa benci terhadap kebiasaan yang buruk tersebut dengan merenung ayat-ayat al-Quran hadis atau apa sahaja yang menyentuh tentang keburukan perbuatan tersebut (Al-Ghazali 2010: 619-623). Selain itu, mereka diingatkan supaya menyesali perbuatan mazmumah tersebut seterusnya menjauhi maksiat secara bertahap dengan proses taubat (az-Za'balawi 2007: 351-354) serta bermujahadah iaitu mengendalikan jiwa supaya berada pada batas yang wajar serta menolak dorongan hawa nafsu. Proses ini dikenali sebagai penyucian jiwa yang dirujuk sebagai program pendidikan diri yang mengandungi dua dimensi iaitu pembuangan sifat-sifat tercela (*al-takhalli*) dan proses menghiasi diri dengan sifat-sifat mulia (*al-tahalli*) (Zakaria Stapa 2005:30-38). Gesaan penyucian jiwa telah disebutkan di dalam al-Quran sebagaimana ayat berikut:

Demi diri manusia dan yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya); serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertakwa. Sesungguhnya berjaya lah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih-bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), dan sesungguhnya rugilah orang yang menjadikan dirinya-yang sedia bersih-itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).

Asy-Syams, 91: 7-10

Maka tidak keterlaluan jika dikatakan penyucian jiwa tersebut merupakan mekanisme yang cukup relevan dalam pembentukan akhlak remaja bermasalah seksual.

Merujuk kepada pendekatan yang dijalankan di BES dan TSPC, pelatih sememangnya perlu menyesuaikan diri melakukan perkara-perkara yang sememangnya bukan menjadi minat bagi mereka sebelum ini disebabkan masa-masa mereka hanya terisi dengan perlakuan yang tidak berfaedah. Justeru, kegiatan ibadah yang dijalani akan mengekalkan potensi baik dalam diri mereka seterusnya mencegah potensi negatif daripada terus berkembang. Pelaksanaan ibadah secara berulang serta persekitaran yang dikelilingi oleh rakan-rakan yang turut sama berusaha untuk berubah juga akan berupaya menjadikan pelatih akur seterusnya bermotivasi untuk berubah menjadi lebih baik.

Implementasi ibadah sangat penting dalam konteks pendidikan salah laku seksual kerana ia akan meningkatkan keimanan seseorang seterusnya membebaskan mereka daripada kongkongan

hawa nafsu dan bisikan syaitan (Said Hawa 2001: 97-104). Dalam konteks BES dan TSPC, secara umumnya didapati tempoh pelatih mendapatkan perlindungan adalah tidak kurang daripada 6 bulan, kecuali bagi tempoh pelatih hamil di TSPC yang tidak menentu. James O. Prochaska et. al. (2013:10-15) melalui *Transtheoretical Model* melihat tempoh 6 bulan sebagai tempoh yang wajar dalam menentukan perubahan sikap yang membabitkan beberapa proses bermula dengan pra-renungan (*pre-contemplation*) renungan (*contemplation*), persediaan (*preparation*), tindakan (*action*), dan akhirnya pemeliharaan (*maintenance*) iaitu usaha untuk memastikan perubahan tersebut berterusan. Justeru, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa pelaksanaan ibadah secara rutin sepanjang tempoh 6 bulan di BES atau bagi sesetengah pelatih di TSPC dianggap sudah memadai bagi pelatih dalam proses melakukan perubahan.

Ringkasnya, dapat dikatakan bahawa sebahagian besar waktu pelatih di BES yang diisi dengan kegiatan ibadah menjadikan mereka sentiasa berada dalam keadaan mengingati Allah SWT serta saling ingat memperingati tentang hal-hal kebaikan. Misalnya ketegasan pihak BES dengan mewajibkan penglibatan seluruh pelatih dengan semua aktiviti ibadah terbukti dengan wujudnya aktiviti khas bagi pelatih yang sedang uzur. Pendekatan sedemikian amat wajar supaya masa pelatih tidak dilekakan dengan aktiviti yang melalaikan. Justeru, dapat dikatakan bahawa kegiatan ibadah telah menjadi sebahagian daripada rutin harian pelatih. Melalui amalan yang dibiasakan di BES ternyata ia mampu membantu pelatih meningkatkan penghayatan keagamaan dalam diri seterusnya memberi kesan kepada perubahan diri sama ada secara zahir mahupun batin ke arah yang lebih baik. Perkara ini turut dipersetujui oleh pelatih A dan B dari BES sebagaimana berikut:

“dulu sembahyang sekali atau dua kali je sehari asar atau maghrib, subuh memang tak la.. Kadang tak buat langsung sebab lupa atau terleka dengan keje lain macam layan internet ke, keluar jalan ke ape.. ikut waktu la. tapi baca Quran dan puasa ok saya ada buat dulu, sebabtu mak selalu tegur tak guna baca Quran dan puasa tapi solat tinggal.. ayah selalu baca tafsir lepas solat Maghrib tapi saya dengar je la dari dalam bilik.. semenjak masuk sini baru solat semua terjaga.. dulu saya suka lepak dengan kawan lelaki tapi yang bawah umur, tudung memang saya pakai time kat sekolah je..bila mak tegur kenapa kejam pakai tudung kejam tak saya cakap nanti lah.. saya pun tahu zina tu dosa, sebab mak ayah dah hantar belajar agama, cuma saya yang leka. Jadi saya reda masuk sini, saya pun dah dapat rasa saya akan ditempatkan di satu tempat yang akan buat saya

berubah.. saya pun dah tekad dari dulu cuma tak tahu caranya nak berubah ... Di sini saya rasa tenang giler dan ceria, saya sampai termimpi tau pasal tempat ni sebelum ni”

(Pelatih A, temu bual , 25 Ogos 2014)

“...dulu masa saya banyak terbuang dengan aktiviti tak berfaedah, saya pernah kerja di kelab malam, pernah terlanjur dengan banyak lelaki, saya minum arak, merokok jugak, tapi sekarang saya dah insaf, memang la ketagih tapi bila dah tahu salah dan berdosa saya tak nak lagi buat semua tu, saya rasa tenang dan seronok tinggal kat sini, banyak sangat benda baru yang saya belajar mengenai agama, aktiviti penuh, saya pun jadi lebih dekat dengan Tuhan, saya nak perbaiki diri...”

(Pelatih B, temu bual, 26 Ogos 2014)

Di TSPC pula, meskipun kegiatan ibadah tidak begitu padat namun terdapat beberapa aspek ibadah penting yang dilihat masih tidak diketepikan oleh pihak TSPC seperti solat dan bacaan al-Quran juga dilihat mampu membangkitkan rasa keinsafan dalam jiwa pelatih untuk berubah, hal ini diakui oleh pelatih C dan D sebagaimana berikut:

“...saya ok je kat sini selesa, aktiviti yang paling saya suka kelas hafazan al-Quran, saya insaf.. ye la masa dalam kelas tu pun ustazah selalu nasihatkan saya inilah akibat derhaka dengan ibu bapa, tak dengar cakap, saya serik lepasni dah tak mau buat lagi.. saya nak balas jasa mak ayah saya..”

(Pelatih C, TSPC; temu bual, 18 Mac 2014)

“..sebelum masuk sini sembahyang kadang-kadang je, mak ade tegur tapi tak peduli pun.. bila kat sini rasa menyesal dan sedih... dulu pun saya pernah sekolah agama so dah tahu banyak pasal solat sume cuma tak buat... sekarang walaupun baru sebulan kat sini, saya dah terbiasa la dengan solat, bila cerita kat mak dia pun cakap bagusla dah start solat balik...”

(Pelatih D, TSPC; temu bual, 18 Mac 2014)

Berdasarkan perbincangan di atas, implementasi ibadah dilihat cukup berperanan penting sebagai terapi dalam pemulihan salah laku seksual. Ibadah bukan sahaja berupaya meninggalkan kesan kepada diri pelatih malah membantu mereka untuk kembali ke jalan yang benar. Keutamaan ibadah turut diakui oleh Siti Nor Yaacob et. al. (2010) dan Azlina Muhammad (2012) dalam kajian mereka yang mendapati bahawa tindakan mengabaikan ibadah dalam kehidupan menjadi punca remaja tidak dapat mengawal diri dari terlibat dengan aktiviti salah laku seksual seperti menonton bahan lucah, terlibat dengan seks sebelum kahwin dan hamil luar nikah.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Inisiatif Baitul Ehsan dan Taman Seri Puteri Cheras yang memberikan penekanan kepada aspek

pembelajaran secara teori dan amali berhubung ibadah solat, puasa, membaca al-Quran, berzikir dan ibadah sunat lain berpotensi membantu remaja dalam proses perubahan tingkah laku mereka. Walau bagaimanapun, bagi tujuan penambahbaikan, pihak BES dan TSPC dicadangkan sentiasa membuat penilaian ke atas modul serta mengambil kira pendekatan yang lebih segar mengikut keperluan semasa pelatih lebih-lebih lagi pelatih yang sedang hamil dan dikatakan sering keletihan serta tertidur semasa sesi pembelajaran sedang berjalan sehingga membuatkan mereka hilang tumpuan (Halilah Sarjuni, temu bual, 27 Ogos 2014; Sariah Ramlan, temu bual, 28 Ogos 2014). Pengisian ibadah sedia ada wajar dikekalkan, akan tetapi penumpuan seharusnya diberikan kepada aspek pelaksanaan ibadah wajib di peringkat asas terlebih dahulu seterusnya baru diikuti dengan ibadah sunat yang lain. Selain itu, tempoh pelatih mendapatkan perlindungan juga disarankan agar diberikan perhatian serius. Bagi BES, tempoh perlindungan tidak kurang dari 6 bulan bagi setiap pelatih mungkin tidak mendatangkan masalah, namun bagi TSPC tempoh pelatih mendapatkan perlindungan yang tidak selaras dan dalam sesetengah kes agak singkat dikhuatiri akan mengakibatkan pelatih sukar untuk mengikuti program ibadah secara konsisten dan menyeluruh sepertimana yang telah dirancang. Oleh itu, matlamat pemulihan salah laku pelatih mungkin sukar untuk direalisasikan.

Namun begitu, secara asasnya konsep serta kaedah implementasi ibadah di BES dan TSPC dilihat selaras dengan tujuan ibadah di dalam Islam iaitu bukan sahaja bermatlamat untuk menghubungkan pelatih dalam konteks perhambaan kepada Tuhan-Nya bahkan membantu mereka membendung keinginan nafsu syahwat yang menyimpang. Akhirnya, tidak keterlaluan jika dikatakan dapatan ini menunjukkan bahawa aspek ibadah bukan sesuatu yang asing malah sentiasa relevan untuk dijadikan sebagai terapi dalam proses rawatan atau pemulihan masalah akhlak termasuk salah laku seksual remaja. Oleh itu, penekanan aspek ibadah dalam proses pendidikan anak-anak semenjak kecil sangat digalakkan sebagai langkah pencegahan berterusan demi memastikan lahirnya generasi yang bebas daripada masalah keruntuhan akhlak seterusnya membentuk masyarakat yang sejahtera dan mampu memberikan manfaat untuk agama dan negara.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim. 1997. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. 2005. Trend dan isu seksualiti dalam agenda pendidikan seks. Seminar Seksualiti Kebangsaan, Pusat Pembangunan Keluarga, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Abdul Ghafar Don dan Zaleha Mohd. Ali. 2008. *Dakwah dan Cabaran De-Islamisasi di Malaysia*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Abdul Halim El-Muhammady. 1991. *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Selangor: Dewan Pustaka Islam.
- Abu Hamid Muhammad al-Ghazali. 1993. *Ayyuha al-Walad*. Kaerah: Dar al-Tawzi' wa al-Nasr al-Islamiyyah.
- Abu Hamid Muhammad Al-Ghazali. 2010. *Ihya' 'ulum al-Din'*. Tahkik 'Ali Muhammad Mustafa & Sa'id al-Muhasini. Jilid 1. Dimasyq: Dar al-Fayha'.
- Abu Hamid Muhammad Al-Ghazali. 2010. *'ulum al-Din'*, Tahkik 'Ali Muhammad Mustafa & Sa'id al-Muhasini, Jilid 2. Dimasyq: Dar al-Fayha'.
- Afzalur Rahman. 1995. *Islam: Ideology and the Way of Life*. Kuala Lumpur: A.S. NOORDEEN.
- Ahmad Hisham Azizan dan Zarrina Che Sa'ari. 2009. Terapi solat dalam menangani penyakit gelisah (*anxiety*) menurut perspektif psikoterapi Islam. *Jurnal Usuluddin* 29 (Januari-Juni): 7.
- Amdun Husain & Zubaidi Abas. 1987. *Kamus Pelajar Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azlina Muhamud. 2012. Penghuni Raudhatus Sakinah: Kajian terhadap latar belakang dan faktor salah laku. Disertasi Sarjana, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Fazilah Idris Nur Riza Mohd Suradi, Syaznira Muhamad, Khairul Anwar Mastor & Hasnan Kasan. 2013. A path analysis on the effect of faith-based behavior on religious delinquent behavior among youth. *Research Journal of Applied Sciences* 8(1): 89-95.
- Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim, Kitab al-Nikah, no hadis. 5063/5066/3398/3400, Saudi: Dar-al-Sadiq.
- Hadis Sahih, Riwayat Bukhari, *Kitab Mawaqith al-Solat, bab al-Solat al Khams Kaffarah*, no. hadis 497.
- Hatta Sidi, Mohamed Hatta Shahrom & Ramli Hassan. 2006. *Seksualiti Manusia: Keharmonian antara Jantina*. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Khaldun, *Mukadimah Ibn Khaldun*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 771-772.
- Ibn Manzur. 1956. *Lisan al-Arb*. Jilid 4. Beirut: Dar Sadir.
- Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad & Noorhasliza Mohd Nordin. 2012. Hamil luar nikah di kalangan remaja. *Journal of Social Sciences and Humanities* 7(1): 131-140.
- Lajnah Ta'lif fi Dar al-Tawhid, *Munjib al-Tullab, al-Salah wa al-Tarbiyyah*, cet. 3 (Tehran: Dar al-Tawhid, 1980), 7.
- Merry Magdalena. 2010. *Melindungi Anak dari Seks Bebas*, Indonesia: Grasindo.
- Muhammad 'Uthman El-Muhammady. 1976. *Peradaban dalam Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Muhammad Ibn Abi Bakr Ibn Ayyub Ibn Qayyim al-Jawziyyah Abu Abd -Llah, *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*, Masyhur Ibn Hassan Ali Salman Abu 'Ubaidah (tahkik), Jilid 1, 41. Saudi Arabia: Dar Ibn al-Jawziy, 2008, 41.
- Muhammad Saiful Islami Mohd. Taher dan Siti Aisyah Yusof. 2014. Memahami Konsep Berzikir berdasarkan al-Quran. Dlm. *Psikospiritual Islam*, disunting oleh Mohd. Shahril Othman et al., 62-68. Kuala Terengganu: UNISZA.
- Muhammad Sayyid Muhammad. 2007. *Az-Za'balawi, Tarbiyyatul Muraḥiq Baina al-Islam wa 'Imi al-Nafs: Pendidikan Remaja Antara Islam dan Ilmu Jiwa*. Terj. Abdul Hayyi al-Kattani et al. Jakarta: Penerbit Insani.
- Mustafa Masyhur. 2003. *Zad Ala Al-Thariq: Bekalan Di Sepanjang Jalan Da'wah*. Terj. Ahmad Hasan Mohd. Nazam dan Mohd. Nizam Mohd. Ali. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Nasrudin Subhi, Radhiah Abu Bakar, Norazura Ahmad, Suzana Mohd Hoesni, Fauziah Ibrahim dan Mohd Suhaimi Mohamad. 2012. *Hubungan seksual remaja: antara cinta dan nafsu*. e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan 7 (1) (Special): 5-25.
- Nor Azah Ab. Aziz. 2009. Pengawalan diri ke atas pelayaran laman web pornografi pada peringkat remaja di Lembah Klang, Malaysia dari sudut psiko-spiritual Islam. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Prochaska, J. O., Norcross, J. C. & Diclemente, C. C. 2013. Applying the stages of change. *Psychotherapy In Australia* 19(2): 10-15.
- Sa'id Hawwa. 1992. *Induk Pensucian Diri*. Terj. Syed Ahmad Semait & M. Abdai Rathomy. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Said Hawwa. 2009. *Tarbiyyatuna al-Ruhiyyah*. c. 10. Qahirah: Dar al-Salam.
- Salmi Ahmad Sudan. 2013. Premarital sex among school-going Malay female teens: A case study in Selangor. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Salasiah Hanin Hamjah, Mohd. Al-Adib Samuri, Rosmawati Mohamad Rasit, Fariza Md. Sham, Zuliza Mohd Kusrin, Zainab Ismail & Nazirah Kamal Basah. 2012. Factors relating to premarital pregnancy amongst Muslim adolescents in Malaysia. *Research Journal of Medical Sciences* 6(6): 266-271.
- Sidek Baba. 2007. *Wahai Remaja: Kembaramu Bermula di Sini*. Shah Alam: Karya Bestari.
- Siti Nor Yaacob et. al. 2010. Factors related to sexual knowledge among Malaysian adolescents, *Jurnal Kemanusiaan bil.16, Dis.*
- Siti Zubaidah Ismail & Muhammad Zahiri Awang Mat (2005). "Memahami Kesalahan Seksual dalam Konteks Undang-undang Jenayah dan Cadangan Penerapannya ke dalam Sistem Pendidikan di Malaysia", Seminar Seksual Kebangsaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Julai, 2)
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Ma'na Kebahagiaan dan Pengalamannya dalam Islam*, (Kuala Lumpur: ISTAC, 2002), 15.
- Zaizul Ab. Rahman, Faktor Dorongan Jenayah Rogol di Malaysia dan Program Pemulihannya: Kajian di Penjara Sungai Udang, Melaka, Tesis PhD, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, APIUM, 2012).
- Zakaria Stapa, "Menangani Persoalan Penyakit Sosial Melalui Pendidikan Kerohanian Islam," *Jurnal YADIM*, 7 (Oktober 2005), 30-38.

Temu bual

- Azizah Kamis (Pengetua, Taman Seri Puteri Cheras), dalam temu bual dengan pengkaji, 14 Mac 2014.
- Halilah Sarjuni (Guru Pembimbing, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 27 Ogos 2014.
- Halimatun Mohd. Ngalm (Guru Pembimbing, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 27 Ogos 2014.
- Kamaruzaman Abidan @ Jaidin (Guru Pembimbing, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 28 Ogos 2014.
- Mohd. Makhi Adnan (Penguasa, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 26 Ogos 2014.
- Nor Azura Sumailan (Pegawai Pembantu Hal Ehwal Islam, Taman Seri Puteri Cheras), dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Mac 2014.
- Pelatih A, (Pelatih, Taman Seri Puteri, Cheras), dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Mac 2014.
- Pelatih B, (Pelatih, Taman Seri Puteri, Cheras), dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Mac 2014.
- Pelatih C (Pelatih, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 25 Ogos 2014.
- Pelatih D, (Pelatih, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 26 Ogos 2014.

- Salahudin Imam Ahmad (Guru Pembimbing, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 28 Ogos 2014.
- Sariah Ramlan (Guru Pembimbing Jawi, Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan), dalam temu bual dengan pengkaji, 28 Ogos 2014.
- Zuraidah Saad (Timbalan Pengetua, Taman Seri Puteri Cheras), dalam temu bual dengan pengkaji, 18 Mac 2014.

Dokumen Pusat Perlindungan

- Pamphlet Baitul Ehsan, 2014.
- Pamphlet Taman Seri Puteri Cheras, 2014.
- Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, *Modul Transformasi Ehsan 1957*, (Selangor: Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan, Majlis Agama Islam Selangor & Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, 2014)
- Taman Seri Puteri Cheras, *Silibus Kurikulum Pendidikan Islam (Asas-asas Fardu Ain)*, (Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2014)

Pemerhatian

- Baitul Ehsan, 25-29 Ogos 2014, 8.00 pagi-5.00 petang.
- Taman Seri Puteri Cheras, 15-18 Mac 2014, 8.00 pagi-5.00 petang.

Nurul Husna Mansor, Calon PhD
Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
E-mel: kak_una87@yahoo.com

Khairul Hamimah Mohammad Jodi, PhD
Pensyarah Kanan di Fakulti Sains Gunaan,
Open Universiti Malaysia.
E-mel: khairul_hamimah@oum.edu.my

Fakhru Adabi Abd. Kadir, PhD
Pensyarah Kanan di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
E-mel: fakhruadabi@um.edu.my

Raihanah Abdullah, PhD
Prof Madya di Jabatan Syariah dan Undang-undang,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
E-mel: raihanah@um.edu.my

Diserahkan: 2 Julai 2015
Diterima: 21 Oktober 2015